



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

---

Jilid I

Bil. 38

Hari Isnin

13hb. April, 1991

---

### KANDUNGAN

PEMILIHAN TDAN YANG DI-PERTUA Y.B. Dato' Vadivello a/l Govindasamy	(Ruangan 1)
UCAPAN TERIMA KASIH DAH PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Ruangan 2)
PEMILIHAN TUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA Y.B. Tuan Adam Bin Kadir	(Ruangan 2)
MENGANGKAT SUMPAH: Y.B. Puan Hajah Zaleha binti Husin	(Ruangan 3)
PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mengalu-alukan Ahli Baru	(Ruangan 3)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Isnin, 13hb April, 1992**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**PEMILIHAN TDAH YANG DI-PERTUA**

**Tuan Setiausaha:** Memilih Tuan Yang 'di-Pertua Dewan Negara mengikut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan mencadangkan.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed):** Tuan Setiausaha, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(2), saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Dato' Vadivello a/l Govindasamy dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan

**Tuan Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2 ceraihan (3), saya memasyhurkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Dato' Vadivello a/l Govindasamy dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. **[Tepuk]**

[Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Dato' Vadivello a/1 Govindasamy di bawa ke Kerusi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik.]

#### UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa sangat sukacita kerana dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang Kesepuluh. Dengan ini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Moga-moga dengan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negara, saya akan dapat menunaikan tanggungjawab ini dengan penuh jujur dan amanah.

#### PEMILIHAN TUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan: Bahawa Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja Ahli yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2 Ceraian (3) dan Peraturan Mesyuarat 5 Ceraian (2), saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. **[Tepuk]**

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di dalam Dewan ini.

#### MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hajah Zaleha binti Husin

#### PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

#### MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkaa pada pukul 2.42 petang.